

Kendiri Padanan50 2026

KENDIRI Padanan50 2026 merupakan pembiayaan caruman kepada Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang memperbaharui caruman **LINDUNG** Kendiri (Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri) dalam sektor bukan mandatori di bawah Pelan 2 (RM232.80).

Kerajaan akan membiayai sebanyak 50% (RM116.40) manakala baki 50% (RM116.40) akan dibiayai oleh OBS bagi mendapatkan perlindungan selama 12 bulan (1 tahun) sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan MADANI 2026.



Kendiri Padanan50 2026

Sektor Bukan Mandatori

Pertanian	Pemprosesan Data
Penternakan	Perkhidmatan Profesional
Perhutanan	Perkhidmatan Sokongan
Perikanan	Kesenian
Perniagaan Online	Pembuatan
Penjagaan Perawatan dan Pemulihan Kesihatan	Pembinaan
	Makanan
Teknologi Maklumat	Ejen
Premis Penginapan	Perkhidmatan Isi Rumah

11 Kategori Kumpulan Sasaran

- KENDIRI Agro 2026
- KENDIRI Lain Upaya 2026
- KENDIRI Asal 2026
- KENDIRI Seni 2026
- KENDIRI Sukan 2026
- KENDIRI Didik 2026
- KENDIRI Servis 2026
- KENDIRI Pelancongan 2026
- KENDIRI Pemimpin Masyarakat 2026
- KENDIRI Pekhidmat Rumah Ibadat 2026
- KENDIRI Sukarelawan 2026

Syarat Kelayakan

- Bertaraf warganegara Malaysia atau pemastautin tetap tanpa mengira had umur
- Bekerja sepenuh masa atau separuh masa
- OBS yang bekerja di Malaysia
- OBS yang bekerja dalam sektor bukan mandatori
- OBS belum pernah mendaftar di bawah Inisiatif Belanjawan 2026. Seorang OBS layak untuk menerima hanya satu (1) Inisiatif Belanjawan 2026 sahaja

Dokumen Sokongan

- Salinan kad pengenalan
- Surat pengesahan pekerjaan daripada agensi atau pihak berkuasa yang berkaitan tertakluk kepada jenis sektor
- Sebarang dokumen pembuktian berkaitan pekerjaan sendiri yang dijalankan

Faedah & Manfaat LINDUNG Kendiri

RM 116.40 untuk perlindungan setahun



Faedah Perubatan



Faedah Hilang Upaya



Elaun Layanan Sentiasa



Faedah Orang Tanggungan



Faedah Pengurusan Mayat



Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional

Kaedah Permohonan

Permohonan dan bayaran boleh dilakukan di



Portal Prihatin
<https://prihatin.perkeso.gov.my/>



Ejen Korporat SKSPS atau Ejen Individu SKSPS yang sah dilantik oleh PERKESO



Aplikasi Prihatin PERKESO



Kaunter Pejabat PERKESO yang berdekatan

Tempoh perlindungan bermula setelah penerimaan bayaran 50% (RM 116.40) daripada pemohon kepada pihak PERKESO

Untuk maklumat lanjut:

☎ 1-300-22-8000

🌐 www.perkeso.gov.my

BERKUAT KUASA: 6 APRIL 2026